



## KENYATAAN MEDIA

29 Mac 2022 | Kuala Lumpur

Embargo: Untuk Siaran Segera

### **SIDREC terus tekad menyelesaikan pertikaian kewangan berkaitan pasaran modal dalam pandemik**

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) pada hari ini telah mengeluarkan Laporan Tahunannya untuk 2021. Laporan ini mengetengahkan kejayaan dan daya tahan SIDREC dalam menyediakan satu jalan penyelesaian alternatif (ADR) selain daripada mahkamah bagi pertikaian kewangan antara pelabur dan penyedia produk dan perkhidmatan pasaran modal yang merupakan Ahli SIDREC.

### **Meningkatkan Perlindungan Pelabur melalui Penyelesaian Pertikaian Alternatif**

Walaupun sekatan pergerakan COVID-19 dilaksanakan sepanjang 2021, SIDREC terus berjaya menyelesaikan pertikaian melalui ADR dalam kadar peratusan yang tinggi. Sebanyak lapan puluh lapan peratus (88%) pertikaian telah diselesaikan sama ada melalui pengurusan kes atau pengantaraan.

Menurut Pengerusi SIDREC, Dato' Mah Weng Kwai, "Prestasi SIDREC ini amat menggalakkan. Ia merupakan petanda baik bagi pengantaraan sebagai cara alternatif untuk menyelesaikan pertikaian memandangkan pengantaraan mengurangkan kos dan berpotensi mengelakkan pertikaian undang-undang yang berlarutan di mahkamah. Kos dan masa yang boleh dijimatkan juga mempunyai implikasi yang luas. Ianya dapat membantu memupuk keyakinan lebih tinggi di kalangan pelabur dengan adanya infrastruktur yang lebih holistik untuk perlindungan mereka sebagai pelabur."

Dalam tahun 2021, SIDREC menerima sejumlah 275 tuntutan dan pertanyaan yang terdiri daripada 47 pertikaian dan 228 pertanyaan. Ia merupakan peningkatan sebanyak enam peratus daripada 259 tuntutan dan pertanyaan yang diterima dalam tahun 2020. Daripada 47 pertikaian yang diterima oleh SIDREC, 34 adalah berkaitan dengan saham dan waran, manakala 10 berkaitan dengan unit amanah dan tiga berkaitan derivatif. Pertikaian berkaitan piawaian perkhidmatan membentuk bilangan pertikaian terbesar yang diterima oleh SIDREC mengikut jenis tuntutan pada tahun 2021. Daripada 47 pertikaian yang diterima, 22 tertumpu pada isu piawaian perkhidmatan, 18 mengenai pengendalian pasaran dan tujuh mengenai amalan dan dasar penyedia produk dan servis pasaran modal.

Pada tahun 2021, SIDREC meneruskan dan menambahbaik penyediaan perkhidmatan Penyelesaian Pertikaian Atas Talian (ODR) dalam menjalankan pengurusan pertikaian. Ini bertujuan memastikan SIDREC terus berfungsi sebagai satu badan yang bebas, berkecuali dan berkesan untuk penyelesaian pertikaian kewangan dalam pasaran modal di Malaysia berikutan sekatan pergerakan yang berterusan akibat pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif SIDREC, Sharmila Sharma, menyatakan bahawa pada tahun 2021, "Walaupun terdapat sekatan pergerakan COVID-19, SIDREC menjalankan pengantaraan untuk 17 pertikaian, iaitu antara jumlah tertinggi dalam mana-mana tahun sejak penubuhannya." Beliau juga berkata, "ODR bukan sahaja merupakan jalan penyelesaian bagi SIDREC untuk mengatasi cabaran yang disebabkan oleh pandemik yang melanda, malah ia juga telah meningkatkan kemudahan pelabur runcit dalam pasaran modal Malaysia di seluruh negara dan juga di luar negara untuk menggunakan perkhidmatan penyelesaian pertikaian SIDREC. Untuk tujuan ini, SIDREC akan terus memperkukuhkan langkah-langkah yang telah

dilaksanakan dalam tahun 2020 dan 2021 untuk memastikan agar perkhidmatan ODR-nya sentiasa teguh dan mampan.”

## Tinjauan Kesedaran Pelabur SIDREC

Pada tahun 2021, SIDREC juga menjalankan Tinjauan Kesedaran Pelabur (IAS) dwi-tahunannya antara bulan Ogos dan Oktober untuk mengukur tahap kesedaran mengenai SIDREC dan perkhidmatannya di kalangan pelabur runcit yang melabur di pasaran modal di Malaysia. SIDREC menerima lebih 10,000 tindak balas dengan kumpulan responden terbesar berumur antara 25 dan 44 tahun dan yang tinggal di Lembah Klang. Kebanyakan pelabur melabur dalam saham atau syer, diikuti oleh unit amanah dan skim persaraan swasta. Corak pelaburan utama adalah secara bulanan dan dalam jumlah kurang daripada RM10,000 setahun. Hasil tinjauan ini menekankan keperluan untuk meneruskan usaha-usaha pendidikan bagi pelabur, termasuk usaha untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang pilihan yang tersedia untuk mereka menyelesaikan pertikaian kewangan berkaitan pasaran modal.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Laporan Tahunan SIDREC 2021 yang boleh dimuat turun dari laman web SIDREC: [www.sidrec.com.my](http://www.sidrec.com.my).

## Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) 29 March 2022

<b>Mengenai SIDREC</b>	<b>Jenis Pertikaian</b>
<p>SIDREC ialah badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk mengendalikan pertikaian kewangan berkaitan pasaran modal antara individu atau pemilik tunggal dan penyedia produk dan perkhidmatan pasaran modal yang merupakan Ahli SIDREC. Ahli SIDREC termasuk bank, broker saham, syarikat pengurusan unit amanah, pengurus dana dan penyedia dan pendedar skim persaraan swasta.</p> <p>SIDREC menyediakan perkhidmatan pengurusan kes, pengantaraan dan adjudikasi kepada pelabur dan penyedia produk dan perkhidmatan pasaran modal yang menghadapi pertikaian kewangan dalam pelaburan untuk mencapai penyelesaian secara bebas, berkecuali dan berkesan dengan kerjasama kedua-dua pihak.</p> <p>Di bawah Skim Mandatorinya, perkhidmatan penyelesaian pertikaian SIDREC adalah percuma untuk pelabur dengan tuntutan kewangan tidak melebihi RM250,000.</p> <p>Di bawah Skim Sukarelanya, SIDREC menerima pertikaian yang melibatkan tuntutan kewangan melebihi RM250,000 dengan syarat kedua-dua pihak bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan SIDREC.</p>	<p>SIDREC mengklasifikasikan pertikaian mengikut isu yang dibangkitkan. Berikut adalah tiga kategori utama pertikaian di SIDREC, termasuk beberapa contoh isu yang tergolong dalam setiap kategori:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Piawaian Perkhidmatan.</b> Merangkumi kelewatan, ralat atau gangguan dalam sistem atas talian, kelewatan atau kegagalan pendedahan serta kelewatan atau ralat lain dalam proses.</li><li>• <b>Pengendalian Pasaran.</b> Merangkumi penipuan, penyelewengan, amalan jualan seperti salah jual, salah nasihat, kesesuaian produk, pendedahan yang tidak mencukupi, urus niaga tanpa izin atau ketidakpatuhan terhadap arahan pelanggan.</li><li>• <b>Amalan atau Dasar Ahli.</b> Merangkumi yuran dan caj, dasar pendedahan, perkembangan produk dan dasar jualan.</li></ul>

Media boleh menghubungi Unit Komunikasi Korporat SIDREC di talian 03-2282 2280 (Zoe Rai, 012 255 3356) atau e-mel: [comms@sidrec.com.my](mailto:comms@sidrec.com.my)